

Bersama Anda Dalam Penjagaan Diri Anda



Advancing Family Medicine, Transforming Primary Healthcare

Sila layani ke www.nhgp.com.sg untuk senarai terperinci
tentang perkhidmatan kami di poliklinik.



Komitmen Kami kepada Pesakit Kami

Menjaga dan Menghormati

- Kami akan menjaga anda tanpa mengira bangsa, bahasa, agama, kepercayaan, status mental atau fizikal.
- Kami akan menjaga semua pesakit dengan adil, tetapi akan mengutamakan mereka yang mengalami keadaan kesihatan yang kritikal. Mereka yang uzur akan diberi perhatian dahulu.

Kerahsiaan dan Privasi

- Kami akan merawat anda dalam persekitaran yang menyediakan privasi.
- Kami akan menyimpan semua maklumat dan rekod-rekod penjagaan anda dengan selamat dan rahsia. Namun jika pihak undang-undang memerlukannya, kami perlu menyediakan maklumat kesihatan anda kepada mereka.

Pelan Rawatan

- Kami akan menjelaskan keadaan kesihatan dan rawatan yang diperlukan, dengan cara yang mudah difahami.
- Kami akan menghormati keputusan anda untuk menerima atau menolak rawatan perubatan yang diberi.

Penyelidikan

- Kami akan meminta izin dan persetujuan anda jika anda layak untuk sesuatu penyelidikan perubatan.
- Anda boleh menarik diri daripada sebarang penyelidikan pada bila-bila masa, tanpa menjejaskan penjagaan kesihatan anda.



Maklum balas tentang bagaimana Kami boleh Mempertingkatkan mutu Penjagaan Anda

- Anda sentiasa dialu-alukan untuk memberi maklum balas, termasuk pujian dan aduan mengenai perkhidmatan yang anda terima daripada kami. Sila hubungi Pejabat Perhubungan Pesakit kami di 6496 6767 atau e-mel kami di feedback@nhgp.com.sg. Selain itu, anda boleh mengisi borang maklum balas yang boleh didapati di poliklinik kami.

Tanggungjawab Anda sebagai Pesakit Kami

Peruntukan Maklumat

Kami memohon kerjasama anda/keluarga anda untuk:

- Menyediakan maklumat yang lengkap dan tepat mengenai kesihatan anda seperti yang dikehendaki.
- Memaklumkan kepada kami jika ada sebarang perubahan dalam alamat rumah, nombor telefon dan alamat e-mel anda.

Mengikuti Pelan Rawatan

Demi menjaga kesihatan anda, sila:

- Ikut pelan rawatan kami, dan beritahu kami jika anda mengalami masalah untuk mengikutinya.
- Maklumkan kepada kami jika anda tidak memahami keadaan atau pelan rawatan yang diberikan, supaya kami dapat menjelaskannya dengan lebih lanjut.

Menghormati dan Bersikap Timbang-Rasa kepada Orang Lain

Sebagai penyedia penjagaan kesihatan anda, kami berharap agar anda dapat:

- Melayani semua pekerja penjagaan kesihatan kami, pesakit dan pelawat lain dengan sopan dan saling hormat-menghormati.
- Menghormati maklumat peribadi orang lain.
- Menghargai kemudahan poliklinik dengan bersikap timbang rasa.
- Mematuhi peraturan-peraturan operasi poliklinik. (Contohnya membuat temu janji bagi perkhidmatan di poliklinik, memberi perhatian kepada kaedah-kaedah yang telah dikhususkan untuk keselamatan pesakit lain).

Bayaran Perubatan

Kami memohon pemahaman anda supaya:

- Menjelaskan bil anda tepat pada masanya.
- Mendapat penjelasan daripada kakitangan kami jika anda tidak memahami bil anda.

